

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED
[PULAI]**

TARIKH : 23 MAC 2015 (ISNIN)

SOALAN :

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai] minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah yang diambil Kerajaan bagi memastikan Jabatan Peguam Negara tidak melaksanakan pendakwaan terpilih ke atas mana-mana pihak mengikut Akta Hasutan dan nyatakan jumlah mereka yang sudah dan akan didakwa mengikut Akta Hasutan sejak 2013.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jabatan Peguam Negara tidak mengamalkan pendakwaan terpilih (*selective prosecution*) terhadap mana-mana individu yang melakukan kesalahan di bawah Akta Hasutan 1948. Sekiranya terdapat keterangan dan bukti yang kukuh bahawa mana-mana individu telah melakukan kesalahan di bawah Akta Hasutan 1948, individu tersebut akan didakwa mengikut peruntukan Akta tersebut tanpa mengira status. Prinsip yang sama adalah terpakai bagi penguatkuasaan semua undang-undang jenayah negara ini.
2. Keputusan Jabatan Peguam Negara untuk mengemukakan pertuduhan atau tidak terhadap mana-mana individu adalah berdasarkan kepada keterangan dan fakta kejadian, dan bukan atas desakan oleh mana-mana pihak atau apa-apa faktor lain. Keputusan tersebut dibuat tanpa memihak kepada sesiapa dan berlandaskan kepada teras integriti bagi memastikan mangsa, saksi, tertuduh dan orang awam memperoleh keadilan dengan sewajarnya.
3. Walaupun Pendakwa Raya mempunyai budi bicara yang luas dalam menentukan pendakwaan di Mahkamah, budi bicara tersebut tidak dilaksanakan tanpa kawalan.
4. Jabatan Peguam Negara telah mewujudkan Pasukan Petugas Khas bagi meneliti semua kes hasutan yang dilaporkan supaya setiap keputusan dibuat berlandaskan kepada undang-undang. Di samping

itu, penjelasan dalam bentuk kenyataan media mengenai sesuatu keputusan terutamanya jika melibatkan kes-kes berkepentingan awam akan dibuat bagi meningkatkan lagi ketelusan di peringkat Jabatan Peguam Negara.

5. Jumlah individu yang telah didakwa di bawah Akta Hasutan 1948 sejak tahun 2011 hingga Februari 2015 mengikut tahun adalah seperti yang berikut:

Tahun	Jumlah Tertuduh
Sehingga Mac 2015	5
2014	12
2013	8
Jumlah	25

6. Statistik yang disediakan hanya melibatkan individu yang telah didakwa di bawah Akta Hasutan 1948. Tiada statistik bagi individu yang akan didakwa kerana statistik disediakan berdasarkan keputusan Pendakwa Raya setelah keputusan dibuat sahaja. Sekiranya masih tiada keputusan oleh Pendakwa Raya ke atas sesuatu kertas siasatan, kertas siasatan itu dikategorikan sebagai kertas siasatan yang masih dalam kajian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [SEREMBAN]

TARIKH : 23 MAC 2015 (ISNIN)

SOALAN : 45

Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status terkini perancangan pembangunan Swettenham Pier Cruise Terminal, Pulau Pinang dan bilakah ia dapat dilaksanakan untuk memacu pembangunan sektor “cruise tourism” seiring dengan matlamat dalam *Economic Transformation Programme*.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

SPPP memang mempunyai perancangan dan pelan pembangunan bagi memaju dan membangunkan lagi Sweththenham Pier Cruise Terminal (SPCT) dan kawasan sekitarnya bagi menampung permintaan industri *cruise* yang kian berkembang.

Namun begitu, segala perancangan dan pelan pembangunan tidak dapat dijalankan berikutan isu pertikaian tanah SPCT antara SPPP dengan pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2010.

Dalam pada itu, SPPP dan Ketua Menteri Pulau Pinang telahpun mengadakan pertemuan pada 12 Januari 2015 dan 5 Mac 2015 untuk membincangkan hak milik tanah SPCT serta rancangan pembangunannya.

Oleh itu, kerjasama dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah perlu disegerakan agar SPPP dapat melaksanakan pelan pembangunan SPCT secepat mungkin.